

## CADANGAN PROSEDUR KENDALIAN STANDARD BAGI KES MELIBATKAN SIHIR DI MAHKAMAH SYARIAH

*Mahyuddin Ismail*  
mahyuddin@ikip.edu.my

Sekolah Pengajian Islam  
Kolej Antarabangsa IKIP

### **Abstrak**

Wujud dakwaan oleh banyak pihak dalam kes di Mahkamah Syariah tentang penggunaan ilmu sihir dalam perkahwinan atau perceraian. Ketiadaan peruntukan undang-undang dan prosedur untuk menanganinya menyebabkan dakwaan sedemikian sering kali tidak dipertimbangkan. Makalah ini mencadangkan Prosedur Kendalian Standard bagi menangani isu tersebut. Prosedur ini diperlukan bagi membantu semua pihak untuk berlaku adil dan membela pasangan yang menjadi mangsa sekiranya dakwaan tersebut benar. Kajian ini dilakukan melalui pemerhatian dan temu bual dengan hakim yang berhadapan dengan kes sedemikian dan pihak yang mendakwa disihir. Melalui Prosedur Kendalian Standard ini, kebenaran dakwaan tersebut dapat dinilai dengan tiga langkah mudah. Pertama, pihak yang mendakwa terkena sihir perlu membuktikan bahawa beliau mengalami simptom akibat disihir. Kedua, mahkamah perlu meminta pendapat pakar bagi mengesahkan bahawa simptom yang dialami itu berpunca daripada perbuatan sihir. Ketiga, mahkamah perlu mengeluarkan perintah agar mangsa menjalani rawatan pemulihan jika simptom tersebut disahkan berpunca daripada perbuatan sihir. Setelah mangsa pulih sepenuhnya, maka kes tersebut bolehlah dibicarakan semula. Dengan cara ini, perbicaraan akan dapat dijalankan dengan lebih adil dan saksama.

Kata kunci: ilmu sihir, perkahwinan dan perceraian, Prosedur Kendalian Standard

### **Abstract**

*The Syariah Court has been fraught with claims of the use of black magic or supernatural powers in the cases of marriage or divorce. The absence of legal provisions and procedures to deal with such claims often resulted being not considered. This article thus proposes Standard Operating Procedure for addressing the issues. This procedure is deemed necessary to assist all parties to uphold justice and defend the victims of spouse, if the*

*allegations are proven true. This research was conducted through courtroom observations and interviews with judges who heard such cases and parties who claimed to have been victims of black magic. Through this Standard Operating Procedure, the truth of the allegations can be evaluated in three simple steps. First, the party claiming to have been under a spell (bewitched) he/she must prove that he/she was experiencing symptoms due to that spell. Second, the court must ask for an expert opinion to confirm that the symptoms experienced were due to witchcraft. Third, the court must issue an order compelling the victim undergo treatment if symptoms confirmed to be due to the act of black magic. Once the victim fully recovered, then the case may then be heard again. In this way, the trial will be able to be more fair and equitable.*

*Keywords: magic, marriage and divorce, Standard Operating Procedure, syariah court*

## PENGENALAN

Isu berkenaan penggunaan ilmu sihir dalam kehidupan manusia bukanlah suatu perkara yang baharu. Isu ini telah lama dibincangkan semenjak bermulanya tamadun manusia sehinggalah hari ini. Perkara ini dapat dibuktikan dengan kewujudan undang-undang khas bagi menyekat dan membanteras amalan sihir dalam tamadun tersebut. Kod nombor 2 Undang-undang Hammurabbi, contohnya, menetapkan prosedur dan hukuman terhadap seseorang yang menuduh seseorang yang lain mengamalkan ilmu sihir.<sup>1</sup> Begitu juga ketika era kegemilangan tamadun Rom semasa pemerintahan Julius Caesar. Beliau telah memperkenalkan Undang-undang 12 (*The Twelve Tables*) yang memperuntukkan hukuman bakar hidup-hidup terhadap ahli sihir.<sup>2</sup> Dalam tamadun China pula, pemerintah Dinasti Yuan telah menetapkan hukuman kelar hidup-hidup terhadap pengamal sihir di China dan Taiwan yang menculik kanak-kanak bagi mendapatkan organnya untuk tujuan pemujaan roh.<sup>3</sup> Dalam sejarah Islam pula terdapat tiga orang

- 1 Lihat Walter Farber, 1995. "Witchcraft, Magic and Divination in Ancient Mesopotamia" dlm. Jack M. Sasson (ed.), *Civilizations of the ancient near East, Edisi III*, Bahagian 8 (Religion & Science). New York: Charles Scribner's Sons, hlm. 1898. Lihat juga Eric Maple, 1973. *Witchcraft: The Story of Man's Search for Supernatural Power*. London: Octopus Books, hlm. 22.
- 2 Lihat Geoffrey Scarre, 1987. *Witchcraft and magic in 16th and 17th century Europe*. London: MacMillan Education Ltd, hlm. 13, Kippenberg, H., 1995. "Magic in Roman Civil Discourse: Why Rituals Could be Illegal" hlm. 149, dlm. M. Meyer & P. Mirecki (eds.), *Ancient Magic and Ritual Power*, Leiden: Brill, hlm. 137-63.
- 3 Lihat J.J.M. de Groot, *The Religious Systems of China*, Book 2, Vol. 5 (3), t.t.: t.tp., hlm. 873, dan William Shaw, 1975. *Aspects of Malaysian Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara, hlm. 67.

ahli sihir yang telah dipancung pada zaman pemerintahan Saidina Umar dan hukuman sedemikian turut dipersetujui oleh para imam mazhab dan jumur ulama.<sup>4</sup> Dalam tamadun Barat pula, usaha membanteras amalan sihir pada permulaannya dipelopori oleh pihak gereja. Gerakan ini mendapat sokongan raja dan pemerintah, seperti Theodoric, King James VI, Henry VIII, Edward VI, Mary I dan Elizabeth I.<sup>5</sup> Semasa pemerintahan George II, Witchcraft Act 1736 telah dikuatkuasakan.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, undang-undang ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan Fraudulent Mediums Act 1951.<sup>7</sup> Fakta sejarah tentang kewujudan ilmu sihir dan undang-undang untuk membanterasnya telah disimpulkan oleh William Blackstone melalui pernyataan beliau:

*To deny the possibility, nay, actual existence, of witchcraft and sorcery is at once flatly to contradict the revealed word of God, in various passages both of the Old and New testament: and the thing itself is a truth to which every nation in the world has in its turn borne testimony, either by examples seemingly well attested, or by prohibitory laws; which at least suppose the possibility of a commerce with evil spirits.*<sup>8</sup>

#### DAKWAAN PENGGUNAAN ILMU SIHIR DALAM KES PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN

Para sarjana Islam dan sarjana Barat bersetuju bahawa ilmu sihir boleh digunakan untuk mencederakan mangsa, mengubah rupa mangsa agar kelihatan seperti haiwan,<sup>9</sup> menghilangkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga, memisahkan suami dan isteri,<sup>10</sup> menghilangkan kewarasan

- 4 Lihat Muhammad Muṣṭafā al-Hadīdī Al-Thair, 1987. *Penyuluh Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani, hlm. 9. Lihat juga Abdul Basir Mohammed, 1999. *Amalan Sihir dan Ayat-ayat Al Qur'an: Perbezaan Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), hlm. 9, Abū cAbdullāh Muhammad b. Ahmad al-Ansāriyy al-Qurṭubīyy, 1387H/ 1967M. *al-Jamīcu li ahkām al-Qur'ān*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-cArabīyy li al-Tibācah wa al-Nashri, hlm. 437-38.
- 5 Lihat Richard Kieckhefer, 1990. *Magic in the Middle Ages*, Great Britain: Cambridge University Press, hlm. 177-79.
- 6 Stuart Gordon, 1993. *The Encyclopedia of Myths & Legends*. London: Headline Book Publishing Plc., hlm. 499.
- 7 Susan C. Karant-nunn & Merry E. Wiesner-Hanks, 2003. *Luther on Women: A Sourcebook*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 228-36.; Jolly, Karen Louise, 2002. *Witchcraft and Magic in Europe: The Middle Ages*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press, hlm. 239. Lihat juga Richard Kieckhefer, 1990, hlm.177-79,
- 8 Morrison, Wayne, 2001. *Blackstone's Commentaries on the Laws of England*. Vol. IV. London: Cavendish Publishing Ltd, hlm. 47.
- 9 Muhammad Muṣṭafā al-Hadīdī Al-Thair, 1987. *Penyuluh Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani, hlm.105. Lihat juga Stuart Gordon, 1993, hlm. 62.
- 10 Wāhid cAbdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh, 1994. *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam*. Johor Bahru: Penerbitan Al Masyhur Sdn. Bhd.,hlm. 2.

akal, memperoleh harta secara penipuan,<sup>11</sup> menyebabkan pelbagai penyakit sehingga ke tahap membunuh mangsa tanpa perlu disentuh.<sup>12</sup> Melalui pengalaman penulis, terdapat sebilangan kes gangguan misteri terhadap pasangan suami isteri berpunca daripada perbuatan sihir. Maka tidak hairanlah jika timbulnya dakwaan bahawa masalah rumah tangga yang dihadapi oleh pasangan tersebut berpunca daripada terkena perbuatan sihir. Hal ini dinyatakan dalam dalam surah al-Baqarah, ayat 102:

“Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari daripada mereka berdua (Harut dan Marut) ilmu sihir yang boleh menceraikan seorang suami dengan isterinya”.

Ayat di atas secara jelas menunjukkan bahawa kemudaratan yang boleh ditimbulkan melalui penggunaan ilmu sihir ialah memisahkan suami dengan isterinya. Biasanya, perceraian dengan menggunakan ilmu sihir ini berlaku dalam keadaan yang pelik. Melalui pengalaman penulis, terdapat suami yang mengadu bahawa lidahnya seakan-akan dikuasai sesuatu sehingga melafazkan talak terhadap isterinya. Terdapat juga isteri yang beria-ia mendesak suaminya agar menceraikannya tanpa sebarang sebab. Ada pula yang mendakwa tidak sedar dan tidak ingat bila dan di mana dia melafazkan cerai. Tidak kurang juga ada isteri memohon cerai fasakh atas alasan suami mengalami lemah syahwat ketika hendak menyetubuhnya sedangkan dengan isterinya yang lain tidak begitu. Terdapat juga suami atau isteri mendakwa berlaku perubahan mendadak pada perasaannya terhadap pasangannya hingga timbul rasa benci dan meluat yang amat sangat hingga memukul pasangannya.

Dalam kes *Mustafa Batcha lwn Habeeba Abd. Rahman*,<sup>13</sup> perayu mendakwa telah melafazkan talak dalam keadaan beliau tidak sedar kerana dipengaruhi sihir. Menurut perayu, beliau percaya dirinya disihir setelah berjaya mendapatkan tender kantin di sebuah kilang. Akibatnya, fikirannya menjadi tidak tenteram, selalu bergaduh dan marah kepada isterinya yang disayangi. Pernah dia memukul isterinya sedangkan dia sendiri tidak tahu apa-apa yang dilakukannya. Dalam keadaan tidak sedar juga, beliau telah membuat permohonan untuk menceraikan isterinya. Beliau menemui bungkusan kain putih di dalam kantin tersebut dan menurut orang yang mengubatinya, beliau telah terkena sihir kerana berjaya mendapatkan tender kantin tersebut. Orang yang menyihirnya berasa dengki lalu menyihirnya

11 Susan C. Karant-nunn & Merry E. Wiesner-Hanks, 2003, hlm. 231. Lihat juga Muhammad Muṣṭafā al-Hadīdī Al-Thair, 1987, hlm. 112-113.

12 Wāhid ‘Abdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh, 1994, hlm. 2. Lihat juga Imam Abu al ‘Izz al Hanafi, Syarh al Aqidah al Thahawiyah, hlm. 505.

13 [1410] JH 41 dan (1990) 7 JH 225.

agar rumah tangganya bercerai-berai. Dakwaan beliau terkena sihir tidak dipertimbangkan oleh mahkamah. Mahkamah memutuskan cerai talak tetap berlaku.

Selain penggunaan sihir dalam perceraian, timbul juga dakwaan penggunaan sihir bagi tujuan memikat, menunduk, menguasai perasaan dan pertimbangan pasangan yang ingin dikahwini. Kesannya, mangsa menurut kehendak penyihir tanpa sedar. Terdapat juga isteri mengadu kepada penulis bahawa setelah beberapa tahun berkahwin dan mempunyai beberapa orang anak, barulah beliau sedar bahawa beliau sudah menjadi isteri orang. Lebih pelik lagi lelaki yang menjadi suaminya itu juga tidak pernah dikenalnya.

Dalam kes *Re Wan Norsuriya*,<sup>14</sup> si isteri telah membuat permohonan kepada mahkamah agar perkahwinan beliau dibubarkan kerana adanya unsur ketidakrelaan. Pemohon telah dilarikan dan dikahwini oleh responden dalam keadaan beliau tidak dapat berfikir secara rasional. Melalui temu bual dengan YA Hakim yang mengendalikan kes tersebut,<sup>15</sup> beliau secara peribadi berpendapat wujud unsur penggunaan sihir dalam kes ini. Menurut beliau, wanita tersebut tidak tahu dan tidak sedar tentang apa-apa yang berlaku kepada dirinya sepanjang berada dalam kurungan defendan. Hatta ketika berkahwin, pemohon sendiri tidak menyedari bahawa beliau menyatakan persetujuan untuk berkahwin dengan lelaki yang mengurungnya. Setelah dibawa berubat oleh ibunya, barulah pemohon sedar dan pulih daripada pengaruh sihir tersebut. Oleh sebab ketiadaan undang-undang khas mengenai dakwaan disihir, maka hakim memutuskan perkahwinan tersebut sebagai tidak sah atas alasan tiada kerelaan daripada wanita yang dikahwini.

Pendekatan yang sama juga diambil dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 28 Jun 2011 yang lalu. Dalam kes tersebut, seorang warga Pakistan, Muhammad Kamran Babar Nazir Khan memohon kepada mahkamah agar mengesahkan perkahwinan beliau dengan defendan, Yani Yuhana Mohd Zambri. Defendan sebaliknya mendakwa perkahwinan mereka tidak sah kerana persetujuan beliau untuk berkahwin diperoleh melalui pengaruh sihir yang dikenakan oleh pemohon kepada dirinya. Hakim memutuskan perkahwinan tersebut sah di sisi hukum syarak kerana kegagalan responden untuk membuktikan dakwaannya.<sup>16</sup>

Senario yang berlaku menunjukkan wujud dakwaan penggunaan ilmu sihir dalam kes perkahwinan dan perceraian di Mahkamah Syariah. Apabila

---

14 [1418] JH 211

15 Beliau ialah YAA Dato Haji Ismail bin Haji Yahya, Ketua Hakim Syari'e Terengganu. Temu bual dilakukan pada 18 September 2011 di pejabat beliau di Kompleks Mahkamah Syariah Kuala Terengganu.

16 *Muhammad Kamran lwn Yani Yuhana* No. Rujukan kes 14600-010-0556-2009. [http://www.hmetro.com.my/articles/Tiada\\_bukti\\_kahwin\\_guna\\_sihir/Article](http://www.hmetro.com.my/articles/Tiada_bukti_kahwin_guna_sihir/Article) [lihat pada 26 Mac 2012]

dakwaan sedemikian dibangkitkan di mahkamah, (sama ada sebagai satu pembelaan bagi memastikan perceraian tidak akan berlaku, atau sebagai alasan untuk menyokong tuntutan perceraian), maka para hakim berhadapan dengan masalah; sama ada untuk mengesahkan dan menerimanya, atau menafikannya, seterusnya menolak dakwaan tersebut.

## **PANDANGAN HAKIM MAHKAMAH SYARIAH KUANTAN DAN KUALA TERENGGANU**

Berdasarkan maklumat temu bual tidak berstruktur dengan para hakim di Mahkamah Syariah Kuantan dan Kuala Terengganu,<sup>17</sup> kesemua hakim yang diwawancara percaya bahawa penggunaan sihir dalam kes rumah tangga sememangnya wujud dan mereka pernah berhadapan dengan dakwaan sedemikian semasa dalam perbicaraan. Malangnya, dakwaan tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana dua sebab utama, iaitu:

- a) kegagalan pihak yang mendakwa untuk membuktikan wujudnya unsur sihir terhadap diri mereka;
- b) ketiadaan garis panduan dan peruntukan undang-undang berkaitan isu ini.

Lantas para hakim mengambil jalan selamat, iaitu mengadili kes berkenaan atas alasan yang zahir atau pada pandangan mata kasar dan dapat diterima logik akal. Para hakim juga melihat faktor sampingan, seperti latar belakang dan sikap pengadu dalam membuat penghakiman. Pendekatan ini lebih berkesan kerana sesetengah pengadu membuat dakwaan sedemikian kerana terpengaruh dengan telahan semberono oleh perawat alternatif, seperti bomoh dan dukun yang merawat mereka. Sesetengahnya pula membuat dakwaan sedemikian sebagai helah untuk menjaga kepentingan diri.

Masalah ini mungkin dapat diatasi sekiranya prosedur khas bagi menilai kesahihan dakwaan tersebut dapat diwujudkan dan dilaksanakan secara seragam di seluruh mahkamah. Prosedur ini bukan sahaja dapat membantu para hakim dan pengamal undang-undang menilai kesahihan dakwaan tersebut, malah dalam masa yang sama dapat mengelak penganiayaan terhadap mana-mana pihak sekiranya apa-apa yang didakwa itu benar. Bagi

<sup>17</sup> Antara responden yang ditemu bual ialah Ketua Hakim Syarie Negeri Terengganu (YAA Dato' Haji Ismail b. Hj. Yahya) serta dua orang Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu (YA Tuan Wan Abd. Malik bin Wan Sidek dan YA Tuan Kamalruazmi bin Ismail). Temu bual dilakukan pada 18 September 2011 di Kompleks Mahkamah Syariah Kuala Terengganu. Temu bual dengan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan (YA Dato' Haji Rahman bin Md. Yunus), Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (Tuan Haji Muhammad Azhari b. Hj. Abdul Rahman) dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuantan (YA Tuan Hj. Abdul Wahid bin Md. Ali) telah dilakukan di Mahkamah Syariah Kuantan pada 19 September 2011.

merealisasikan perkara ini, cadangan prosedur yang berikut boleh diguna pakai ketika berhadapan dengan dakwaan sedemikian.

### **CADANGAN PROSEDUR KENDALIAN STANDARD (S.O.P) UNTUK MENANGANI DAKWAAN DISIHIR**

Kesahihan dakwaan seseorang bahawa beliau telah disihir boleh ditentukan melalui langkah yang berikut:

#### **Langkah Pertama: Pihak Yang Mendakwa Perlu Membuktikan Simptom Terkena Perbuatan Sihir**

Apabila pihak dalam satu perbicaraan (sama ada mangsa atau pasangannya atau ahli keluarga terdekat)<sup>18</sup> mendakwa bahawa beliau atau pasangannya disihir, maka hakim perlu meminta pihak yang mendakwa untuk mengemukakan simptom gangguan sihir yang berlaku kepada dirinya atau pasangannya. Pada kebiasaannya, seseorang yang disihir akan menunjukkan simptom dan perubahan tertentu dari aspek rohani dan jasmaninya. Antara simptom yang biasa dialami oleh mangsa sihir termasuklah:<sup>19</sup>

##### **(a) Simptom pada fikiran dan perasaan**

Sihir pada kebiasaannya mempengaruhi jiwa dan fikiran seseorang mangsa. Seseorang yang disihir menunjukkan perubahan pada emosi, perasaan dan cara berfikir. Antara kesan yang biasa berlaku termasuklah:

- 
- 18 Pelibatan pasangan dan ahli keluarga terdekat diperlukan dalam kes sebegini. Mangsa sihir kebiasaannya tidak meyedari atau menafikan yang dirinya terkena sihir. Fakta ini disokong oleh hadis tentang kisah Nabi Muhammad SAW yang tidak menyedari dirinya telah disihir oleh Labib b. A'sam selama 40 hari sehingga Allah SWT mengutuskan dua malaikat memaklumkan kepada Baginda tentang hal itu.
- 19 Simptom ini dikenal pasti berdasarkan pengalaman penulis dalam merawat, mengkaji dan melakukan pemerhatian terhadap individu yang menghadapi gangguan misteri. Selain itu, kajian dan buku yang ditulis oleh pengamal rawatan alternatif, seperti Hj Ahmad Hj Che Din, Hj. Ahmad Hj. Che Din, 1997. *Perubatan tradisional Melayu: Adat Resam Masyarakat Melayu Islam. Latihan Pertahanan Diri Melayu, Perkara-Perkara Khurafat dan Ajaran-ajaran Sesat*. Kuala Kangsar: t.pt., Amran Kasimin, 2002. *Tanda Sihir dan Kekuatan Roh untuk Mengatasinya*. Kuala Lumpur, Percetakan Watan Sdn. Bhd., hlm. 98-111, Amran Kasimin, 2006. *Sihir dan Penjelasannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, hlm. 21-26; Amran Kasimin, 1997 dirujuk. *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Percetakan Watan Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 132-188, Ahmad b. Mahmūd Al-Dib, 1994. *Al-Ilāj al-Qur'āni*, Jeddah, Maktabat Al-Şahābah, hlm. 41, Wāhid 'Abdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh, 1994, hlm. 85-129; Hj Jahid b Hj Sidek, 2006. "Jin/ Syaitan: Hubungannya dengan Pelbagai Gangguan kesihatan manusia". Kertas kerja Seminar Perubatan Islam 1, anjuran Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia, Pusat Penyelidikan Getah RRIM, Sungai Buloh, 16 September, hlm.8.



- (i) Mangsa menjadi resah dan gelisah sehingga tidak boleh tidur malam, sering bermimpi buruk dan mengerikan, mimpi dikejar binatang buas atau lembaga hitam, mimpi disengat haiwan berbisa seperti ular, kala jengking atau mimpi jatuh dari tempat yang tinggi.
- (ii) Fikiran mangsa menjadi tidak keruan dan berserabut meracau-racau, ketawa mengilai-ngilai atau bercakap seorang diri. Kadang-kadang tindakannya terjadi dengan sendiri tanpa dapat dikawal. Mangsa mudah marah yang bersangatan tanpa sebab.
- (iii) Sentiasa teringat seseorang, rasa hendak lari dari rumah, tercengang-cengang dan mudah lupa, tidak tetap di satu-satu tempat, tidak fokus pada suatu pekerjaan dan kerap berjalan waktu tidur.
- (iv) Perasaan cinta dan sayang yang menggila kepada seseorang yang baru dikenali, berasa terlalu ingin melakukan persetubuhan dengan seseorang, berasa seseorang itu manusia paling cantik, mengikut perintah seseorang secara membabi buta.
- (v) Terdengar suara atau bisikan yang memanggil atau menyuruhnya melakukan sesuatu, seperti memukul, membunuh orang, membunuh diri sendiri dan seumpamanya.

**(b) Simptom pada anggota tubuh badan (fizikal)**

Yang berikut ialah kesan fizikal yang biasanya dialami oleh mangsa akibat disihir:

- (i) Mangsa berasa badannya sakit mencucuk-cucuk, terasa panas, terasa bisa-bisa, terasa kebas, berkudis seluruh tubuh dengan bau yang busuk.
- (ii) Selalu timbul tompok lebam berwarna biru kehitaman pada anggota tertentu tubuh seperti lengan atau celah peha.
- (iii) Mengalami sakit kepala pada waktu tertentu terutama menjelang senja atau tengah malam.
- (iv) Dapat melihat atau mendengar sesuatu yang tidak dapat dilihat atau didengar oleh manusia lain.
- (v) Alat kelamin mati tiba-tiba apabila hendak bersetubuh.
- (vi) Badan terasa berat seperti memikul sesuatu dan terasa seperti ada sesuatu yang mencakar-cakar belakangnya atau telinganya.
- (vii) Mangsa terhidu bau busuk di merata-rata tempat. Kadang-kadang orang di sekelilingnya juga boleh menghidu bau tersebut.

**(c) Simptom pada kediaman dan tempat tinggal**

- (i) Mangsa berasa tidak selesa tinggal di dalam rumah atau premis, terasa panas dan berserabut. Apabila keluar, rasa lega dan aman.
- (ii) Terdapat gangguan aneh di kediaman atau premis seperti dinding diketuk dan dicakar, paip air dan lampu tiba-tiba terpasang, api tiba-tiba menyala dengan sendiri.
- (iii) Jelmaan bayangan menakutkan dan bunyi yang pelik di premis.



**(d) Simptom pada hubungan dengan ahli keluarga**

- (i) Rumah tangga sentiasa bergelora dan perkelahian antara suami isteri sentiasa berlaku walau disebabkan kesalahan yang kecil.
- (ii) Rasa benci bersngatan apabila bertemu pasangan, tetapi apabila berjauhan, rasa rindu dan sayang yang teramat.
- (iii) Nampak muka pasangan sangat hodoh dan menakutkan.
- (iv) Berasa sangat sakit bila dipegang atau disentuh pasangan.

**(e) Simptom pada prestasi kerja atau perniagaan**

- (i) Sekiranya mangsa menjalankan perniagaan, pelanggan yang datang ke kedainya nampak seolah-olah kedainya ditutup walaupun sebenarnya dibuka.
- (ii) Pekerjaanya juga sentiasa bertukar dan tidak senang dengan majikan.
- (iii) Pekerja yang asalnya cemerlang tiba-tiba berubah menjadi malas, berat untuk datang kerja, lupa jalan untuk ke tempat kerjanya.

**(f) Simptom pada hubungan dengan masyarakat**

- (i) Sentiasa menolak pinangan orang tanpa sebab.
- (ii) Mangsa lebih suka menyendiri tidak mahu bergaul dengan orang sekeliling.
- (iii) Menjadi amat pemalu dan segan tidak bertempat.
- (iv) Mula membenci kawan-kawan dan tidak mahu bercakap dengan mereka, fikiran selalu berserabut dan pening kepala berpanjangan.

Simptom yang dinyatakan di atas merupakan sebahagian tanda terkena sihir. Selain simptom tersebut, mangsa juga menunjukkan perubahan yang mendadak pada sikap dan tingkah laku, kewarasan akal, rutin kehidupan harian dan kerjaya. Perubahan itu berlawanan sama sekali dengan keadaan asal mangsa sebelum disihir dan perubahan itu berlaku setelah mangsa melakukan sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang berasa dengki, iri hati, marah, dendam, hasad, meluat dan seumpamanya. Sekiranya mangsa pernah terjumpa sesuatu yang aneh, seperti patung tergantung atau beras kunyit di laluan masuk, bangkai haiwan yang dibakar dan digantung depan pagar, atau telur mentah dibaling di laman rumah, bulu kongkang di premis perniagannya atau yang seumpamanya, maka semua perkara itu mesti diambil kira kerana besar kemungkinan bahan itu yang digunakan untuk menyihir mangsa.<sup>20</sup>

---

20 Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk Mahyuddin Ismail, 2011. *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Selangor: PTS Milenia, hlm. 70-79.

## Langkah Kedua: Minta Pendapat Pakar

Setelah mangsa mengemukakan simptom yang dialaminya, maka pihak mahkamah boleh meminta pendapat pakar (yang dilantik oleh mahkamah atau oleh pihak yang mendakwa) bagi mengenal pasti dan menentukan perkara yang berikut:

- (a) Adakah benar simptom yang dialami oleh mangsa berpunca daripada sihir ataupun hanyalah simptom akibat gangguan makhluk halus daripada saka yang diwarisi, amalan kebatinan, rawatan tradisional yang khurafat atau selainnya?
- (b) Sejauhmanakah sihir yang dikenakan itu memberikan kesan terhadap kes yang dibicarakan?
- (c) Adakah wujud sebarang kolerasi dan pertalian antara simptom yang dialami, bahan sihir (jika ada) dan kesannya kepada mangsa?
- (d) Adakah wujud *qarinah* yang boleh dikaitkan dalam dakwaan yang dikemukakan?
- (e) Kebarangkalian bahawa mangsa memang terkena sihir; dan
- (f) lain-lain perkara yang berkaitan.

Metodologi sebegini bersesuaian dengan peruntukan seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 200321 yang memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memanggil seseorang yang pakar dalam undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan penentuan nasab untuk memberikan pendapat mereka di mahkamah. Keperluan kepada pendapat pakar dalam isu sihir dapat dilihat dalam kes *Mustafa Batcha lwn Habeeba Abd Rahman* apabila YAA Hakim Mahkamah Rayuan menyatakan:

Hakim yang Arif tidak langsung mencatatkan dalam rekod perbicaraannya fakta kes tersebut dan juga beliau telah tidak memanggil dukun yang mengubati perayu untuk mendapatkan keterangan untuk memastikan sama ada perayu benar-benar sakit kena buatan orang (sihir) yang menyebabkan perceraian.<sup>22</sup>

Apa-apa yang disarankan oleh hakim dalam kes di atas merupakan satu usaha untuk menyelamatkan rumah tangga defendan daripada hancur akibat perbuatan sihir. Walaupun tiada peruntukan tentang keterangan oleh saksi

21 Peruntukan yang sama boleh dilihat dalam seksyen 33 Enakmen-enakmen Keterangan yang diguna pakai di Mahkamah Syariah di setiap negeri di Malaysia.

22 [1410] *JH* 41, hlm. 43

pakar dalam hal sihir, namun gesaan YA Hakim supaya dipanggil dukun tersebut boleh dianggap sebagai satu isyarat betapa perlunya diwujudkan tatacara khusus bagi membicarakan isu melibatkan sihir. Peranan dan kerjasama individu yang memahami selok-belok ilmu dan amalan sihir amat diperlukan. Menurut Ibn Rifā‘ah (salah seorang ulama dalam mazhab Shāfi‘iyy), seorang yang dahulunya terkenal sebagai ahli sihir, tetapi telah berhenti menjadi ahli sihir dan bertaubat daripada kejahatan tersebut boleh dipanggil sebagai saksi bagi memberikan keterangan mengenai selok-belok ilmu sihir.<sup>23</sup>

### **Langkah Ketiga: Memerintahkan Mangsa Mendapatkan Rawatan**

Sekiranya hakim (setelah meneliti dan mendengar pendapat pakar tentang hal tersebut) mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang yang mendakwa itu benar-benar mengalami simptom disihir, maka beliau boleh mengeluarkan perintah agar orang tersebut dirujuk ke pusat rawatan yang boleh dipercayai dan diberikan tempoh tertentu untuk menjalani rawatan. Tujuan utama dijalankan rawatan adalah untuk memastikan mangsa benar-benar pulih daripada pengaruh sihir dan dapat dibicarakan di mahkamah dalam keadaan sempurna akalnya. Kebiasaannya, apabila mangsa bebas daripada ikatan sihir beliau akan mempertimbangkan tindakan yang telah diambilnya dengan lebih rasional. Dalam keadaan ini, mahkamah boleh mendengar semula tuntutan yang difailkan sama ada oleh mangsa atau pasangannya. Kaedah ini lebih adil kerana semua pihak dalam tuntutan atau permohonan tersebut berada dalam keadaan akal yang sempurna.

### **KESIMPULAN**

Isu penggunaan sihir dalam rumah tangga memang berlaku dan pernah dibangkitkan dalam beberapa kes di Mahkamah Syariah. Ketiadaan garis panduan dan peruntukan undang-undang khas bagi mempertimbangkan dakwaan ini mencacatkan imej sistem kehakiman. Oleh itu, pemakaian Prosedur Kendalian Standard bagi menangani dakwaan tersebut bukan sahaja dapat memberikan keadilan kepada pasangan suami dan isteri serta ahli keluarga, malah dapat mengembalikan kerukunan dan keharmonian rumah tangga mereka. Prosedur yang dicadangkan merupakan salah satu langkah bagi mengelakkan berlaku kezaliman dan kesilapan dalam membuat keputusan. Oleh itu, institusi pentadbiran dan perundangan Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) seharusnya lebih terkehadapan dalam menangani isu ini kerana perkara ini bukan sahaja

23 Lihat *Mughniyy al-Muhtāj*, 4/ 1200 dan *al-Ashbāh wa al-Nazā‘ir li al-Shāfi‘iyy*, hlm. 538.

melibatkan isu perundangan Syariah tetapi juga menyentuh isu akidah umat Islam. Kajian lebih mendalam tentang perundangan berkaitan amalan sihir perlu dimulakan dalam rangka membela nasib mangsa dan menjaga akidah ummah.

## RUJUKAN

- Abdul Basir Mohammed, 1999. *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat Al Qur'an: Perbezaannya serta Kesannya terhadap Amalan Perubatan*. 1999. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Abdullah Muhammad b. Ahmad al-Ansāriyy al-Qurtubiyy. 1387H/ 1967M. *al-Jamīcu li ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Arabiyy li al-Tibācah wa al-Nashri.
- Ahmad b. Mahmud Al-Dib, 1994. *Al-a'llaj al-Qur'ani*. Jeddah: Maktabat Al-Şahābah.
- Amran Kasimin, 1997. *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin, 2002. *Tanda Sihir dan Kekuatan Roh untuk Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin, 2006. *Sihir dan Penjelasannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.
- Eric Maple, 1973. *Witchcraft: The Story of Man's Search for Supernatural Power*. London: Octopus Books.
- Geoffrey Scarre, 1987. *Witchcraft and Magic in 16th and 17th Century Europe*. London: MacMillan Education Ltd.
- Hj Ahmad Hj Che Din, Hj. Ahmad Hj. Che Din, 1997. *Perubatan Tradisional Melayu. Adat Resam Masyarakat Melayu Islam. Latihan Pertahanan Diri Melayu, Perkara-perkara Khurafat dan Ajaran-ajaran Sesat*. Kuala Kangsar: t.pt.
- Hj. Jahid b. Hj. Sidek, 2006. "Jin/ Syaitan: Hubungannya dengan pelbagai gangguan kesihatan manusia". Kertas kerja Seminar Perubatan Islam 1, anjuran Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia. Pusat Penyelidikan Getah RRIM. Sungai Buloh. 16 September.
- Jolly, Karen Louise, 2002. *Witchcraft and Magic in Europe: The Middle Ages*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- J.J.M. de Groot, t.t. *The Religious Systems of China*. Book 2. Vol. 5 (3). t.tp.
- Kippenberg. H., 1995. "Magic in Roman Civil Discourse: Why rituals Could be Illegal" dlm. M. Meyer & P. Mirecki (eds.). *Acient Magic and Ritual Power*. Leiden: Brill.
- Mahyuddin Ismail, 2011. *Ahli Sihir ke Tali Gantung*. Selangor: PTS Milenia Sdn. Bhd.

- Morrison, Wayne, 2001. *Blackstone's Commentaries on the Laws of England*. Vol. IV. London: Cavendish Publishing Ltd.
- Muhammad Mustafa al-Hadidi Al-Thair, 1987. *Penyuluh Arwah*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Richard Kieckhefer, 1990. *Magic in the Middle Ages*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Stuart Gordon, 1993. *The Encyclopedia of Myths & Legends*. London: Headline Book Publishing Plc.
- Susan C., Karant-nunn & Merry E. Wiesner-Hanks, 2003. *Luther on Women: A Sourcebook*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wāhid Abdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh, 1994. *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam*. Johor Bahru: Penerbitan Al Masyhur Sdn. Bhd.
- Walter Farber, 1995. "Witchcraft Magic and Divination in Ancient Mesopotamia" dlm. Jack M. Sasson (ed.), *Civilizations of the Ancient Near East*. Edisi III. Bahagian 8 (Religion & Science). New York: Charles Scribner's Sons.
- William Shaw, 1975. *Aspects of Malaysian Magic*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.